

Program Kongsi Rezeki tambah baik tempat tinggal, pembelajaran 500 anak yatim

Sedekad lindungi rakyat Malaysia

Oleh IKHWAN IDERIS

PETALING JAYA – AIA PUBLIC Takaful Berhad (AIA PUBLIC Takaful) yang dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB) meraikan ulang tahun ke-10 tahun ini, sedekad menyediakan sokongan kewangan serta menjamin harapan dan impian rakyat Malaysia.

Sejak 2011, AIA PUBLIC Takaful telah berkembang daripada pengendali takaful tradisional kepada penyedia penyelesaian hujung ke hujung yang patuh syariah untuk sentiasa bersama pelanggan di sepanjang perjalanan mereka, tidak terhad kepada hanya satu-satu situasi atau sebagai langkah berjaga-jaga.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Elmie Aman Najas berkata, fokus syarikat adalah mencari kaedah baharu dan inovatif bukan sahaja dari segi tawaran produk, tetapi juga perkhidmatan tambah nilai untuk membawakan perubahan dalam hidup pelanggan.

"Susulan pandemik Covid-19, kami telah melihat peningkatan kesedaran serta minat untuk perlindungan takaful dan menerusi



ELMIE AMAN

kerjasama 20,000 Perancang Hayat AIA Malaysia serta rakan kongsi, kami dapat memenuhi permintaan tersebut di samping memastikan keselamatan pelanggan dan ahli agensi melalui keupayaan digital dan teknologi kami.

"Sehingga kini, kami membantu menyediakan perlindungan komprehensif bernilai RM61 bilion kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi peristiwa tak diduga.

"Takaful merupakan skim berasaskan konsep persaudaraan, perpaduan dan tolong-menolong antara peserta takaful serta bersama-sama peserta takaful,



PROGRAM Kongsi Rezeki dapat membantu 10 rumah anak yatim di seluruh negara dengan melibatkan lebih 500 kanak-kanak.

kami telah menyediakan sokongan kewangan bernilai RM1.3 bilion kepada lebih 170,000 keluarga di negara ini," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Elmie, pihaknya percaya AIA PUBLIC Takaful mempunyai proposisi patuh syariah, ekosistem, sumber dan peralatan yang tepat untuk memenuhi keperluan setiap pelanggan di semua peringkat kehidupan.

"Daripada pelan perlindungan

mampu milik di bawah Perlindungan Tenang khusus nya buat golongan berpendapatan rendah sehinggalah penyelesaian perancangan legasi yang menawarkan pelanggan peluang untuk menyumbang semula kepada komuniti, faedah takaful.

"Kami bukan hanya memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan pelanggan, malah membolehkan mereka melakukan amal jariah berterusan, walaupun apabila mereka sudah tiada,"

Jelasnya.

Sempena sambutan ulang tahun ke-10 AIA PUBLIC Takaful, pengendali takaful tersebut melancarkan Program Kongsi Rezeki, iaitu sebuah inisiatif komuniti dengan kerjasama Malaysian Relief Agency yang menyaksikan 10 rumah anak yatim di seluruh negara bakal menerima komputer riba baharu dan kelengkapan tempat tidur seperti katil dan tilam, selain keperluan harian lain.

Program itu melibatkan sumbangan bernilai RM250,000 untuk membantu lebih 500 anak yatim mendapat akses kepada pengalaman pembelajaran dalam talian lebih baik, di samping tempat tinggal yang lebih selesa.

Bagi menghargai sokongan berterusan para pelanggannya, AIA PUBLIC Takaful melancarkan kempen #10TahunBersamaAnda, yang melibatkan penganjuran pelbagai peraduan media sosial termasuklah permainan trivia interaktif bermula 20 September hingga 31 Oktober 2021.

Peserta berpeluang memenangi e-baucar daripada Shopee serta Touch 'n Go eWallet dan maklumat lanjut boleh didapati di <https://www.aia.com.my/APTB10Tahun>.